

KM JAS 28/2024



**SIARAN MEDIA
JABATAN ALAM SEKITAR**

**SIASATAN KES PENCEMARAN BAU
DI SUNGAI KUNDANG DAN SUNGAI SEMBAH
DAN HENTI TUGAS LOJI RAWATAN AIR
RANTAU PANJANG, SUNGAI SELANGOR FASA SATU
(SSP1), SUNGAI SELANGOR FASA DUA (SSP2) DAN
SUNGAI SELANGOR FASA TIGA (SSP3)
PADA 23 JULAI 2024**

PUTRAJAYA, 24 JULAI 2024 – Susulan insiden pencemaran bau dan henti tugas Loji Rawatan Air (LRA) Rantau Panjang, Sungai Selangor SSP 1, 2 dan 3 pada jam 12.00 tengahari semalam, Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menjalankan siasatan ke sebuah premis yang disyaki iaitu memproses bahan acrylic di kawasan perindustrian Jalan Kampung Orang Asli, Kuang, Rawang, Selangor. Hasil pemeriksaan mendapati punca pencemaran bau adalah akibat kebocoran bahan kimia dikenali sebagai Poly Metha Acrylic Acid (PMAA) daripada tangki penstoran yang merupakan produk yang dihasilkan oleh premis tersebut berbentuk cecair. Tumpahan produk tersebut akhirnya melimpah ke longkang premis bersebelahan sehingga ke longkang jalan besar dan seterusnya ke Sungai Kuang. Aliran Sungai Kuang akan memasuki Sungai Kundang kemudiannya ke Sungai Sembah dan seterusnya memasuki Sungai Selangor. Kebocoran bahan kimia tersebut telah

menyebabkan pelepasan bau kerana ciri-ciri bahan kimia PMAA yang berbau kuat dan tengit.

Arahan serta merta telah dikeluarkan oleh pihak JAS kepada pengusaha premis untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan dalam premis, kawasan longkang dan anak sungai yang terkesan dan kerja-kerja tersebut telah selesai pada petang semalam oleh kontraktor yang dilesenkan oleh Jabatan. Sebanyak tiga (3) sampel bahan bukti turut diambil dan sudah dikemukakan ke Jabatan Kimia Malaysia (JKM) untuk ujian penentuan komposisi dan pemadanan (matching). Selain itu, kawasan operasi premis beserta peralatan kelengkapan proses telah disita oleh JAS melalui pengeluaran notis Penahanan Operasi Kelengkapan (POK) di bawah Seksyen 38(1)(a) Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 sehingga siasatan selesai.

Jabatan Alam Sekitar (JAS) turut ingin mengesahkan penahanan dua (2) individu setakat ini bagi membantu siasatan dan kes disiasat di bawah Seksyen 25, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 (Pindaan 2024) yang memperuntukkan hukuman penjara mandatori sehingga lima tahun dan denda sehingga RM10 juta jika disabitkan dengan kesalahan mencemar sungai.

JAS komited dalam menangani sebarang isu berhubung pencemaran dan menyeru orang awam untuk melaporkan sebarang aktiviti mencemarkan alam sekitar di talian bebas tol 1-800-88-2727 yang beroperasi 24 jam sehari atau e-mel ke aduan_k@doe.gov.my melalui portal e-aduan JAS di <https://eaduan.doe.gov.my>.

DATO' WAN ABDUL LATIFF BIN WAN JAFFAR

Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia